

Utusan

31/10/2010

32 usahawan sertai 1Malaysia Best Carnival di Australia

KUALA LUMPUR 31 Okt. – Produk makanan ringkas, berkualiti dan halal akan diketengahkan kepada masyarakat Australia pada Karnival Makanan Malaysia di Perth bermula 5 November ini. Karnival yang dikenali sebagai 1Malaysia Best Carnival itu akan berlangsung selama tiga hari dan disertai oleh 32 usahawan di bawah Konsortium Usahawan Makanan dan Industri Asas Tani Sdn. Bhd. (Komita).

Sebanyak 70 produk kering dan 31 produk sejuk/beku keluaran tempatan akan dipamerkan pada karnival itu yang turut mendapat sokongan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Agensi lain yang menjadi rakan kerjasama carnival itu adalah Bahagian Pembangunan Usahawan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Felda.

Setiausaha Komita merangkap pengerusi program, Suriati Rahman berkata, usaha Komita menganjurkan karnival di Perth adalah untuk memperkenalkan produk makanan keluaran Malaysia khususnya kepada masyarakat Australia.

“Selama ini, Australia terkenal dengan kawalan dan peraturan ketat terhadap apa sahaja produk berasaskan makanan luar untuk dibawa masuk negara itu.

“Sememangnya sukar untuk menembusi pasaran negara itu, tetapi Komita tetap komited dan berusaha keras meyakinkan pihak berkuasa negara itu mengenai tujuan karnival itu,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Malah, katanya lagi, pihaknya turut mendapatkan kerjasama pihak konsulat Jeneral Malaysia di Perth untuk menjayakan program itu.

Menurut Suriati, apa yang penting, karnival itu sebagai satu test case serta platform kepada usahawan untuk lebih mengenali pasaran Australia, selain membuka ruang kepada mereka mencari peluang dan menambah jaringan perniagaan di negara berkenaan.



SURIATI Rahman menunjukkan biskut keluaran syarikatnya yang berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

Suriati seterusnya memberitahu, karnival itu juga akan memberi kemudahan kepada kira-kira 20,000 masyarakat Malaysia di Perth.

Mengenai dengan konsep karnival itu pula, beliau berkata, program itu lebih berkonsepkan kepada pesta jualan produk makanan, kraftangan dan pameran daripada agensi-agensi pelancongan Malaysia.

Beliau menambah, pelbagai acara turut diatur dalam program itu termasuk demonstrasi masakan makanan Malaysia daripada selebriti tukang masak terkenal tempatan, Cef Liza yang antara lainnya akan menyediakan rendang, serunding dan juga gulai tempoyak.

Acara lain yang akan memeriahkan karnival itu nanti adalah persembahan kebudayaan, konsert mini, permainan rakyat dan tradisi, di samping pertemuan sesi padanan perniagaan antara kedua-dua pihak.